

08/04/2003

Pembangunan rohani seimbang

Abdul Razak Raaff

PENEKANAN pembangunan di Johor tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek fizikal semata-mata, malah turut membabitkan pembangunan kerohanian bagi melahirkan warga berkualiti tinggi.

Ini terbukti apabila kerajaan negeri dan Jabatan Agama Islam (JAJ) serta

Majlis Agama Islam Johor (Maij) meneruskan kesinambungan tradisi pembangunan bidang agama di samping memperkukuhkannya.

Fungsi Maij dalam merealisasikan hasrat itu dapat dilihat menerusi pembangunan institusi keagamaan seperti masjid dan surau serta sekolah agama, selain berusaha memperkukuhkan pemahaman agama menerusi pelbagai aktiviti.

Maij yang ditubuhkan pada 1925, berfungsi menguruskan hal ehwal agama, memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat diraja, memberi pelajaran dan pendidikan kepada kerabat diraja pada awal penubuhannya, tetapi peranannya diperluaskan sebagai penggubal dasar agama Islam dan penyelarasan agensi dalam JAJ.

Sesuai dengan motonya 'Ke arah Pembentukan Mukmin Bertakwa', Maij banyak menampilkan pembaharuan sama ada di peringkat dasar mahu pun pelaksanaan dengan program keagamaan terus diberi keutamaan dan menjadi perhatian kerajaan negeri.

Bermula daripada program Membudayakan Al-Quran yang dilancarkan pada 1997 dan kini menjadi budaya bagi jabatan kerajaan dan swasta, Maij turut melaksanakan pelbagai program yang memartabatkan agama Islam seperti pengimaran masjid, Keluarga Sakinah serta Sistem Pendidikan Sekolah Agama Johor.

Selain itu, Maij turut menganjurkan pelbagai program kebajikan bagi membantu golongan kurang berkemampuan dan kurang upaya menerusi kutipan zakat yang diperoleh daripada bayaran zakat fitrah dan zakat perniagaan.

Menerusi kutipan zakat berjumlah RM29.5 juta, Maij dapat menyalurkan bantuan kepada lapan asnaf zakat yang ditetapkan bagi memastikan mereka turut sama menikmati kemajuan yang sedang dialami negara ini.

Ini termasuk mengeluarkan peruntukan RM1.14 juta bagi menyalurkan bantuan sara hidup kepada penerima baitulmal iaitu 436 penduduk fakir dan miskin di negeri ini.

Majlis itu turut memperuntukkan RM3.6 juta setahun untuk pembangunan saudara baru di negeri ini selain membelanjakan RM100,000 setahun untuk menggalakkan umat Islam mendapatkan pendidikan menghafaz al-Quran.

Selain itu, fungsi Maij dalam memartabatkan sistem pendidikan agama terbukti kerana ia menarik perhatian pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Berikutan itu, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, mengutus rombongan diketuai Setiausaha Kerajaan

Negeri, Datuk Ayob Mion, ke seluruh negara bagi memberi penerangan mengenai keberkesanan dan pelaksanaan sistem pendidikan agama kepada semua

Menteri Besar, mulai 30 Januari lalu.

Pendidikan Islam menjadi agenda berterusan kerajaan negeri untuk membentuk dan melahirkan insan berilmu, beriman, berakhlak dan berkemahiran dan menjadi wadah terbaik untuk memastikan generasi umat Islam terus menikmati kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat.

Sehubungan itu, Maij dan JAJ yang mengawal selia sistem pendidikan agama berusaha melakukan perubahan besar untuk tujuan memperkukuh, mempertahankan dan mengembangkan ajaran Islam yang disesuaikan dengan perkembangan semasa.

Pada masa ini, 519 sekolah agama yang melaksanakan pembelajaran dan pengajaran dalam sesi pagi dan petang, dibuka di seluruh Johor dengan 328 daripadanya memiliki bangunan sendiri.

Sistem pendidikan agama Johor melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Agama (KBSA) pada 1994 dengan beberapa pembaharuan yang menekankan teknik pengajaran, pembelajaran, penghayatan dan amalan.

Sistem itu kemudiannya mengalami perubahan pada 1999 iaitu kelayakan umur murid ke sekolah agama direndahkan daripada sembilan tahun kepada tujuh tahun bagi memperkenalkan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) yang menggabungkan mata pelajaran akademik dan agama.

Dalam pada itu, sistem pendidikan agama prasekolah dikenali Tadika Agama Johor (TAJ) yang diwujudkan sejak tiga tahun lalu, turut diperluaskan dan setakat ini sebanyak 200 TAJ sudah dibuka dengan mempunyai 4,000 murid.

Maij turut membantu dalam pembangunan masjid dan surau menerusi Tabung Pembangunan Masjid Johor mulai tahun 2000. Sejak 2001, sebanyak 43 projek pembinaan masjid dilaksanakan membabitkan kos berjumlah RM68 juta.

Sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 23 masjid baru sedang dalam pembinaan dengan kos penyelenggaraan keseluruhan bernilai RM42.1 juta.